



## PENUTUPAN SEMENTARA CAWANGAN DAN 'OUTLET' AR-RAHNU SETAPAK

---

1. Adalah dimaklumkan bahawa CBP cawangan Setapak dan 'oulet' Ar-Rahnu Setapak akan ditutup sementara selama dua (2) hari bermula dari 26 Julai 2021 sehingga 27 Julai 2021. Premis ini akan beroperasi semula pada 28 Julai 2021.
2. Penutupan sementara ini bagi membolehkan kerja-kerja sanitasi dilakukan ke atas premis tersebut bagi meminimalkan penularan wabak Covid-19 di samping bagi memastikan premis CBP sentiasa selamat dan bebas dari virus Covid-19.
3. Para pelanggan masih boleh melakukan transaksi dalam talian melalui laman web CBP di [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my) atau melalui aplikasi mobil MyCoopbank atau ke cawangan CBP yang lain yang berdekatan. Kesemua pelanggan adalah **diwajibkan** memakai pelitup muka (face mask) di sepanjang tempoh berurusan di premis-premis CBP.
4. CBP komited di dalam memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan kekal berada di tahap yang terbaik pada setiap masa. Bagi sebarang pertanyaan, pelanggan boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan CBP melalui emel [info@cbp.com.my](mailto:info@cbp.com.my) atau di talian 1-300-88-7650.

Segala kesulitan amatlah dikesali. Terima kasih.

Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Transformasi ([transformasi@cbp.com.my](mailto:transformasi@cbp.com.my))  
Co-opbank Pertama  
25 Julai 2021

### Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah co-opbank. CBP mempunyai 28 buah cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my).